

Peserta tunggu ucapan Dr M

[FOTO BERNAMA]

> Penampilan ke-21 PM pada Persidangan Nikkei



Veena Rusli
veena@bh.com.my

Tokyo, Jepun

Tumpuan dan perhatian peserta pastinya masih segar apabila ucapama Tun Dr Mahathir Mohamad membuka tirai Persidangan Nikkei ke-25 di sini, hari ini.

Ia bakal menyaksikan penampilan ke-21 Perdana Menteri pada persidangan tahunan itu yang berhimpun sejak 1995. Turut dikenali sebagai Masa Depan Asia, sesi tahun ini bertemakan 'Mencari Aturan Global Baharu - Menghindari Pergolakan' yang berkemungkinan menyentuh aspek perang dagang dua kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat (AS) dan China serta tempiasnya kepada rantau Asia.

Difahamkan, sesi ucapama dan dialog oleh Dr Mahathir pagi esok menjadi antara tarikan utama peserta, bukan saja dalam kalangan pemimpin asing dan setempat serta masyarakat perniagaan tetapi juga media antarabangsa.

Negarawan berusia 94 tahun itu, bagi mereka, adalah simbol kelantangan dan kekuatan diperlukan Asia dalam usaha melindungi ekonomi rantau ini daripada menjadi 'mangsa' perlakuan Barat.

Mungkin Persidangan Nikkei



Dr Mahathir disambut Timbalan Menteri Luar, Datuk Marzuki Yahya (kiri) sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Haneda di Tokyo, malam tadi untuk lawatan kerja selama tiga hari ke Jepun bagi menghadiri Persidangan Nikkei Ke-25.

kali ini berupaya menentukan sama ada Asia memerlukan orde baharu mengikut acuan tersendiri dalam menyertai atau mengatasi persaingan ekonomi Barat.

Dr Mahathir juga akan berdialog bersama peserta selepas menyampaikan ucapama, dengan Ketua Pengarang Ibu Pejabat Editorial Nikkei di Osaka, Sonoko Watanabe, selaku perantara.

Utarakan pandangan

Persidangan Nikkei menghimpunkan pemimpin politik, ekonomi dan akademik dari rantau Asia Pasifik untuk mengutarakan pandangan membina masing-masing berhubung isu serantau, di samping kedudukan Asia di pentas dunia.

Turut mengesahkan kehadiran ialah Presiden Filipina, Rodrigo Duterte; Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina; Per-

dana Menteri Kemboja, Hun Sen, dan Perdana Menteri Laos, Thongloun Sisolith.

Selain perang perdagangan pelbagai ketidakpastian, masyarakat global turut terkesan dengan 'perlumbaan' ke arah memiliki aset ketenteraan berteknologi tinggi.

Tidak terkecuali menjadi kegusaran ialah keghairahan setengah negara melindungi industri domestik daripada persaingan luar dengan mengenakan cukai ke atas barangan import.

Persidangan Nikkei 2019 membuka ruang pemimpin ternama termasuk Dr Mahathir yang kerap melontarkan pandangan tajam, mengupas secara mendalam bagaimana negara serta syarikat rantau Asia harus bertindak di tengah-tengah pergolakan orde global yang dicituskan AS.

Pada masa sama, Perdana Menteri yang menghadiri Persidangan Nikkei tahun lalu kira-kira sebulan selepas mengambil alih tampuk pentadbiran, sewajarnya menjadikan ruang kali ini untuk menentengahkan dasar terkini Malaysia.

Seperti disebut Duta Besar Malaysia ke Jepun, Datuk Kennedy Jawan, sukar meramal apa yang bakal diperkatakan Dr Mahathir, namun agenda menarik pelaburan dan ahli perniagaan meneroka sektor baharu seharusnya tidak dilepaskan pandangan.

Jepun secara peribadi memandang tinggi kepemimpinan Dr Mahathir sejak sekian lama, terutama menerusi pengenalan Dasar Pandang Ke Timur yang dilancarkan pada 8 Februari 1982, antara lain menjadikan model ekonomi Negara Matahari Terbit itu untuk diserap ke dalam pentadbiran.